



STRATEGI PENGURUSAN TV3 DALAM MELAKSANAKAN

ANUGERAH JUARA LAGU (AJL)

NUR SYAZA BINTI KAMARUDDIN

53298

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2018**

**STRATEGI PENGURUSAN TV3 DALAM MELAKSANAKAN
ANUGERAH JUARA LAGU (AJL)**

PENGAKUAN

Projek bertajuk Strategi Pengurusan TV3 Dalam Melaksanakan Anugerah Juara Lagu (AJL) ini telah disediakan oleh Nur Syaza Kamaruddin dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian Pengurusan Seni.

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: STRATEGI PENGURUSAN TV3 DALAM MELAKSANAKAN ANUGERAH JUARA LAGU (AJL)

SESI PENGAJIAN :2015/2016

Saya : Nur Syaza Binti Kamaruddin

Mengaku membenarkan tesis/laporan* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis/Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. *sila tandakan(/)

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdajah keselamatan atau kepentingan termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

TERHAD

(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)


TIDAK TERHAD

Disahkan



Tandatangan Penulis

Tarikh : 04/06/2018



Tandatangan Penyelia

Tarikh : 04/06/2018

Assoc. Professor Dr Noria Tugang
Faculty of Applied and Creative Arts
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Alamat tetap :

L-2-1 Apt Anggerik,
Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung,
48300, Rawang Selangor Darul Ehsan

Catatan. *Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

*Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu sebagai SULIT atau TERHAD

Diterima untuk diperiksa oleh:

.....

(Assc. Prof. Dr. Noria Tugang)

.....

Tarikh :

PENGHARGAAN

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sajahtera

Kepada Bonda Tersayang, Rohayah Binti Md Yunus:

Semoga setiap air mata yang jatuh dari matamu di atas segala kepentinganku, menjadi sungai untukmu di syurga kelak.

Kepada Ayahanda Tersayang, Kamaruddin Bin Abdullah:

Semoga seluruh peluh dan titisan keringan yang kau keluarkan dalam perjuanganmu mencari nafkah untuk kamu sentiasa berakah dan dibalas dengan syurga.

Kepada Nenda Dan Atokanda, Md Yunus B.Manaf & Ragayah Binti Salleh:

Jutaan terima kasih dalam memberi kata-kata semangat dan nasihat. Semoga ALLAH

S.W.T. memberi rezeki kesihatan dan umur berpanjangan.

Kepada semua adik beradik, saudara-mara dan sahabat handai:

Terima kasih kepada Nur Syamimi , Atiq Zulqanain, Ahnaf Iskandar, Nur Syahindah, Arwah adik-adik Nurul Anis, Mohd Anas dan Akiff Izuddin. Serta saudara mara yang tersayang.

Kepada Penasihat Projek Tahun Akhir, Assc. Prof. Dr. Noria Tugang:

Terima kasih untuk setiap ilmu yang dicurahkan dan bantuan yang diberikan.

Aku akan mencari ilmu hanya kerana ALLAH, dan aku tidak akan mencari jika untuk selain ALLAH. Ilmu itu kehidupan hati daripada kebutaan, sinar penglihatan daripada kezaliman dan tenaga badan daripada kelemahan.

-Imam Al-Ghazali-

Semoga Dirahmati dan Diberkati Allah S.W.T. Hendaknya.

ISI KANDUNGAN

BAB 1

PENGENALAN

1.1	PENGENALAN	1
1.2	LATAR BELAKANG PENYELIDIKAN	2-4
1.3	PERNYATAAN MASALAH	5-7

1.4	OBJEKTIF PENYELIDIKAN	7
1.5	KONSEP DAN TEORITIKAL PENYELIDIKAN	07-10
1.6	KEPENTINGAN KAJIAN	10-11
1.7	LIMITASI KAJIAN	11-12
1.8	LOKASI PENYELIDIKAN	12-13
1.9	SKOP PENYELIDIKAN	15
1.10	MASALAH YANG DI HADAPI SEMASA MENJALANKAN PENYELIDIKAN	15

BAB 2

SOROTAN KESUSASTERAAN

2.1	PENGENALAN	16
2.2	LOKASI KAJIAN	17- 18
2.3	PERANAN	19
2.4	MEDIA PRIMA/ TV3	20-22
2.5	PENGURUSAN	23-28
2.6	ANUGERAH JUARA LAGU (AJL)	28-29
2.7	RUMUSAN	30

BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1	PENGENALAN	31
3.2	KAJIAN KEPUSTAKAAN	32
3.3	KAEDAH LAPANGAN	33

3.4	KAEDAH PENYELIDIKAN KUALITATIF	33-35
3.5	KAEDAH TEMU BUAL	35- 37
3.6	INTRUMEN KAJIAN	37- 38
3.7	GAMBAR RAJAH	39- 41
3.8	ETIKA PENYELIDIKAN	41
3.9	RUMUSAN	42

BAB 4

ANALISA DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	PENGENALAN	43-44
4.2	PENGANALISAAN DATA	44
4.3	DAPATAN HASIL KAEDAH TEMURAMAH	44- 73

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	KESIMPULAN	74-78
5.2	CADANGAN KEPADA ORGANISASI	78-79
5.3	CADANGAN KEPADA PENKAJI AKAN DATANG	80-81

RUJUKAN	82-84
----------------	--------------

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1

85-86

LAMPIRAN 2

87-89

SENARAI GAMBAR

91-106

ABSTRAK

Penyelidikan ini menerangkan Strategi Pengurusan TV 3 Dalam Melaksanakan Anugerah Juara Lagu (AJL) di Sri Pentas. Permasalahan pemilihan lokasi menyebabkan pengkaji memilih dalam menerangkan faktor yang digunakan semasa pemilihan lokasi acara. Kaedah yang digunakan adalah bersifat kualitatif. Memerlukan perancangan rapi dalam meningkatkan pengurusan yang berkualiti sebagai sebahagian daripada seni pengurusan. Kajian ini dapat menyumbang kepada pembangunan industri kreatif Negara dalam pengurusan yang efektif.

ABSTRACT

This research explains the TV Management Strategy 3 In Implementing the Anugerah Juara Lagu (AJL) at Sri Pentas. The problem of location selection causes the researcher to choose to explain the factors used during the event location selection. The method used is qualitative. Require intensive planning in improving quality management as part of the management art. This study contributes to the development of the National creative industry in effective management.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bahagian yang menerangkan tentang pengenalan kajian, Latar belakang kajian, Permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian serta lokasi kajian. Fokus utama kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah mengenai Strategi Pengurusan TV 3 Dalam Melaksanakan Anugerah Juara Lagu (AJL).

Tajuk kajian yang ingin dikaji oleh pengkaji ialah berkenaan dengan Pengurusan TV3 dalam Menguruskan Pentas Anugerah Juara Lagu. Anugerah Juara Lagu (AJL) merupakan salah satu rancangan tahunan di TV3 lanjutan peserta yang tercalon daripada rancangan Muzik-Muzik di Malaysia. Saban tahun Anugerah Juara Lagu (AJL) merupakan salah satu acara yang dinantikan oleh golongan industri seni Malaysia serta penduduk Malaysia sendiri. Anugerah Juara Lagu (AJL) telah memainkan peranan penting dalam perkembangan dunia seni serta memberi impak besar kepada Negara.

Setiap tahun kita dapat lihat perbezaan pengurusan, pengacara, tema, penyanyi, reka bentuk pentas, dan kategori yang dipertandingkan. Perubahan dari Anugerah Juara Lagu (AJL) yang pertama sehinggalah kini yang Anugerah Juara Lagu (AJL) 32 melihatkan Media Prima selaku tampuk kepimpinan mampu mengekalkan kedudukan dan keunggulan rancangan ini dalam pelbagai sudut seperti penerimaan masyarakat, perubahan sistem pengurusan yang semakin mantap, perubahan pengacara yang mampu memeriahkan sepanjang acara dijalankan serta perubahan genre lagu yang dipertandingkan.

1.2 Latar Belakang Penyelidikan

Sistem Televisyen Malaysia Berhad atau lebih dikenali sebagai TV3 dalam kalangan masyarakat tempatan. TV3 merupakan sebuah rancangan swasta dan siaran percuma nasional pertama di Malaysia milik Media Prima Berhad. Pada 1 Jun 1984, Media Prima Berhad memulakan siaran mereka sehinggalah kini tahun 2018 dimana

kekal sebagai siaran televisyen yang digemari penonton.

Dibawah rangkaian Media Prima Berhad, terdapat beberapa rangkaian siaran bagi memastikan penonton mempunyai variasi pilihan dalam menonton siaran mereka. Ia terbahagi kepada siaran televisyen, percetakan, radio, media digital yang merangkumi perkembangan kini dimana siaran televisyen lebih memfokuskan kepada media digital.

Selain itu, melalui anak syarikat media digital, Media Prima merangkumi inovasi teknikal, penyelesaian digital dan strategi kreatif. Ianya menawarkan perundangan *digital holistic* yang merangkumi penyelesaian kreatif, perkhidmatan platform pelbagai dan kepakaran e-dagang.

Di Radio, kumpulan diwakili oleh empat stesen radio yang popular iaitu Fly FM, Hot FM, One FM dan Kool FM. Kumpulan Media Prima Berhad juga memiliki anak syarikat penciptaan kandungan, Primeworks Studio Sdn. Bhd yang terbahagi kepada Primeworks Entertainment dan Primeworks Studio. Primeworks Entertainment menghasilkan setiap program yang terdapat di TV3 contohnya muzik-muik, Melodi, Sarimah Talkshow, Mentor, dan Jalan-jalan cari makan. Primeworks Studio pula salah satu bahagian yang menyiapkan keseluruhan *contant* jalan cerita ilmiah seperti Wanita Hari ini (WHI), Malaysia Hari Ini (MHI) dan rancangan ilmiah yang lain.

Menurut Dr. Tarcisius Chin (2007), pengurusan dapat dihuraikan sebagai pelbagai cara sama ada sebagai suatu seni atau sains. Selain itu, pengurusan juga merupakan proses, pelaksanaan kerja dengan manusia. Seterusnya, ia juga dapat dilihat sebagai satu proses menetapkan dan mencapai tujuan serta matlamat melalui lima fungsi pengurusan iaitu merancang, mengelola mengambil pekerja, membimbing dan mengawal.

Pekara ini bermaksud pengurus mengambil keputusan berkaitan dengan pekara yang hendak dicapai untuk sesebuah syarikat atau organisasi tersebut. Dalam hal ini hanya mereka menggunakan sumber, infrastruktur, sumber manusia, wang, proses dan

sebagainya demi mencapai satu matlamat yang sama.

Pengurusan pihak Media Prima Berhad dalam memastikan perjalanan Anugerah Juara Lagu berlangsung dengan jayanya telah melibatkan pelbagai alternatif. Anugerah Juara Lagu (AJL) merupakan sebuah rancangan pertandingan yang diterbitkan oleh TV3 yang membariskan lagu-lagu terbaik secara acara tahunan untuk dipilih oleh juri professional sebagai lagu terbaik tahunan.

Anugerah Juara Lagu (AJL) bermula pada tahun 1986, dibawah pentadbiran Datuk Ahmad Merican yang ketika itu Pengurus Rancangan TV3 dan beliau juga adalah perintis kepada penubuhan Muzik-muzik pada ketika itu. Pemilihan lagu-lagu Anugerah Juara Lagu (AJL) berdasarkan lajutan dari muzik-muzik sebagai syarat kemasukan pertandingan. Pemilihan undian didalam carta mingguan juga menentukan peserta yang berjaya ke peringkat seterusnya atau terkeluar. Peserta pertandingan akhir di saringkan daripada juara bulanan. Anugerah Juara Lagu (AJL) diadakan pada awal tahun didalam lingkungan bulan Januari hingga Febuari. Anugerah Juara Lagu (AJL) menjadi pentas kepada artis dan pengubah lagu tanah air berentap bagi meningkatkan industri seni negara. Namun sehingga kini, skop pemarkahan muzik-muzik mengalami perubahan agar ia relevan dengan situasi kini.

Menurut Zafir (2009), perubahan di dalam organisasi memerlukan seorang yang bertanggungjawab mencetuskan idea untuk berubah. Individu yang bertindak sebagai pencetus idea tersebut dan diandaikan bertanggungjawab untuk menguruskan proses perubahan dipanggil sebagai agen perubahan. Pengurus merupakan agen yang perlu memastikan samaada sesuatu perubahan itu berjaya dilaksanakan atau tidak.

Di dalam pengurusan Anugerah Juara Lagu (AJL), terdapat beberapa pembahagian kategori lagu yang akan dipertandingkan antaranya kategori balada, kategori Pop Rock, dan kategori Irama Etnik Kreatif. Manakala kategori khas pula, Persembahan terbaik, Lirik Terbaik, Lirik Terbaik, Vokal Terbaik dan Juara *Mobile*

melalui undia.

Pengurusan Anugerah Juara Lagu (AJL) terbahagi kepada pelbagai bidang dan kepakaran. Antaranya yang menjadi tunjang utama didalam AJL adalah bahagian bidang Teknikal, Lampu, *Audio Contol Sistem*, *Runner*, dan *Prop*. Pembahagian dan perbezaan jabatan pengurusan didalam Anugerah Juara Lagu tidak membataskan kejayaan pihak produksi dalam menjalankan acara tahunan yang dinantikan ini kerana perbezaan kepakaran cekap dalam mengendalikan acara tahunan ini.

Menurut Zafir (2009), untuk melaksanakan peranan pengurus iaitu antara perseorangan, maklumat dan membuat keputusan, pengurus perlu memiliki enam bentuk kemahiran yang dapat dijelaskan seperti kemahiran konseptual, kemahiran kemanusiaan, kemahiran teknikal, kemahiran politik, kemahiran pengurusan masa, dan kemahiran membuat keputusan.

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam setiap kajian atau penyelidikan yang dibuat ianya mempunyai kepentingan tersendiri, kajian yang dibuat tidak boleh dilakukan begitu sahaja, hal ini kerana ia perlu ada isu dan permasalahan yang menarik untuk dikaji dan menjadi bahan kajian akan datang. Kajian atau penyelidikan yang dibuat ini adalah bertujuan untuk memahami permasalahan. Di dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah mengenalpasti beberapa pernyataan masalah berkenaan Pengurusan Pihak TV3 dalam Menguruskan Pentas Anugerah Juara Lagu (AJL).

Menurut Eksekutif Produksi Anugerah Juara Lagu (AJL), Nurhul Huda Hj Khalid, dalam sesi menemu bual yang bertarikh 23 Ogos 2017 berkenaan Pengurusan Pihak TV3 dalam Menguruskan Pentas Anugerah Juara Lagu (AJL).

Menurut beliau berkenaan permasalahan sepanjang AJL di jalankan antaranya

adalah dalam memastikan teknikal dalam keadaan baik semasa ‘*Soundcheck*’ dan siaran langsung dijalankan selama 3 jam. Seterusnya adalah permasalahan pemilihan lokasi yang bersesuaian dengan acara yang dijalankan agar memudahkan semua pihak produksi, Artis yang terlibat dalam acara serta penonton yang menghadiri. Dan akhir sekali, permasalahan kajian adalah berkaitan dengan menganalisis impak penerimaan masyarakat terhadap Anugerah Juara Lagu (AJL) pada masa kini.

Melalui kajian dan hasil menemuramah bagi menjalankan kajian ini, pengkaji mendapati pengurusan Anugerah Juara Lagu (AJL) masih mempunyai kelemahan dan permasalahan biarpun ia telah dijalankan sebanyak 31 tahun. Permasalahan ini kebanyakan terjadi semasa detik terakhir sebelum acara bermula secara langsung atau sebelum acara dijalankan. Masalah dari segi teknikal selalunya berpunca daripada barangan teknikal yang tidak diselenggara atau disambungkan dengan baik, malah teknikal juga akan mengalami masalah apabila artis yang membuat persembahan tidak membuat ‘*soundcheck*’ dengan betul. Di mana ‘*soundcheck*’ perlu dilakukan dengan tahap audio suara yang tinggi.

Menurut Fazilah (2009), beliau mengatakan kemahiran teknikal adalah merujuk kepada keupayaan seseorang mengaplikasikan pengetahuan atau kepakaran khusus didalam melaksanakan tugas. Ianya melibatkan pengetahuan dan kecekapan dalam melaksanakan aktiviti yang melibatkan kaedah, proses dan tatacara. Penggunaan alatan canggih dan berteknologi tinggi memerlukan kemahiran teknikal yang khusus dalam pengendaliannya. Kemahiran ini adalah paling penting bagi pengurus peringkat bawah kerana mereka terlibat secara langsung dalam menghasilkan *output* terakhir.

Pemilihan lokasi yang bersesuaian juga merupakan masalah utama dalam menjalankan Anugerah Juara Lagu (AJL). Pemilihan yang betul dan tepat amatlah penting dimana pihak pengurusan perlu menitikberatkan keselamatan pihak produksi yang bertugas, artis yang menghadiri bagi membuat persembahan dan tetamu yang hadir

dalam menjayakan AJL. Pemilihan lokasi juga perlu melibatkan tahap keluasan persekitaran, keselamatan lalu lintas pengunjung, kemudahan seperti tempat meletakkan kenderaan pengunjung, dan faktor cuaca merupakan perkara penting jika ia dilakukan ditempat terbuka. Selain itu, faktor pemilihan lokasi menjadi masalah apabila, tempat yang dikehendaki membuat penyelenggaraan.

Permasalahan seterusnya dalam menganalisis penerimaan masyarakat terhadap Anugerah Juara Lagu (AJL) pada masa kini. Perubahan dan perkembangan Negara menyebabkan masyarakat lebih terdedah dengan perkara dan benda baharu. Perubahan dari Media Massa ke media digital menyebabkan sesetengah masyarakat kurang berminat dengan acara yang dijalankan sepanjang tahun. Menganalisis penerimaan masyarakat kini dan apakah yang menyebabkan mereka ingin dan nantikan untuk menonton Anugerah Juara Lagu (AJL) pada setiap tahun.

1.4 Objektif Penyelidikan

Objektif penyelidikan adalah matlamat yang ingin dicapai oleh pengkaji dalam kajian mengenai Strategi Pengurusan TV 3 Dalam Melaksanakan Anugerah Juara Lagu (AJL). Melalui objektif yang telah dibuat oleh pengkaji, pengkaji telah mendapati hasil kajian samaada bertepatan dengan objektif yang dibuat atau bertentangan dengan apa yang difokuskan dalam kajian ini. Antara objektif pengkaji ialah:


1. Mengenalpasti kaedah pengurusan yang dilakukan oleh pihak TV3 dalam menguruskan pentas Anugerah Juara Lagu.
2. Mengkaji faktor yang digunakan semasa pemilihan lokasi acara diadakan.
3. Menganalisis impak penerimaan masyarakat terhadap Anugerah Juara Lagu (AJL) pada masa kini.

15. Konsep dan Teoritikal Penyelidikan

Konsep penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji didalam kajian ini ialah dengan berkaitan Strategi Pengurusan TV 3 Dalam Melaksanakan Anugerah Juara Lagu (AJL) dalam memastikan setiap unit yang terlibat berjalan lancar sebelum, semasa dan selepas acara. Selain itu, pengkaji ingin melihat dari aspek strategi pengurusan yang dilakukan semasa acara ini diadakan dalam menguruskan pentas seperti teknikal, lampu, *audio sistem*, *control room* dan sebagainya. Selain itu, pengkaji mendapatkan sumber maklumat tentang kajian ini melalui informan iaitu Eksekutif Producer Anugerah Juara Lagu (AJL), dalam mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan pengurusan pentas dan pengurusan AJL sebelum, semasa dan selepas.

Pengkaji telah menggunakan teori *Henri Fayol* (1841-1925) dalam membuat kajian di mana teori beliau membezakan antara kemahiran teknikal dengan kemahiran pengurusan. Seterusnya, teori ini telah mengenalkan fungsi *pengurusan* yang khusus dan akhir sekali beliau telah mencadangkan 14 prinsip pengurusan didalam teori beliau. Teori ini dipilih oleh pengkaji kerana ianya amat bersesuaian dengan kajian ini kerana pengkaji ingin menjadikan teori ini sebagai garis panduan dalam mengembangkan setiap isi permasalahan kajian yang berkaitan dengan pengurusan pentas Anugerah Juara Lagu (AJL)

Melalui fungsi perancangan, pengkaji ingin mengkaji peranan production dalam menangani masalah teknikal sebelum, semasa dan selepas AJL berjalan. Selain itu, peranan pihak pengurusan dalam menyelesaikan masalah pemilihan lokasi yang bersesuaian agar semua pihak yang terlibat mendapatkan kemudahan yang ada. Akhir sekali peranan pihak pengurusan dalam memastikan masalah pemilihan artis gantian yang bersesuaian mengikut vokal penyanyi asal agar ianya tidak mendapat kritikan hebat dari para penonton dan penghibur seni yang lain.



Rajah 1.0: Konsep Kajian

Kajian ini menerangkan Peranan Pihak TV3 dalam Pengurusan Pentas Anugerah Juara Lagu (AJL) sebelum, semasa dan selepas acara dijalankan. Informan yang terlibat adalah Eksekutif Producer AJL sendiri iaitu Nurul Huda Khalil, Producer Muzik-muzik iaitu Aida Azira dan Ayau Azmi, *Production Accistend* iaitu Mohd Syazmin, wartawan iaitu Faris Isa dan Joseph Phen serta barisan penonton. Kajian ini, dijalankan di Sri Pentas, Bandar Utama dan Stadium Shah Alam dalam mendapatkan bahan bukti. Seterusnya apakah peranan pihak TV3 dimana mereka bertanggungjawab dalam memastikan pengurusan pentas AJL berjalan lancar seperti *lighting*, teknikal, audio sistem, *control room*, *Q-artis*, *Q-card*, pemilihan artis gantian dan pemilihan lokasi yang bersesuaian.

Di dalam kajian ini, mengapakah pengkaji ingin mengkaji berkaitan dengan pengurusan pentas AJL kerana ingin memastikan pada masa akan datang pengurusan berjalan secara lancar dan tersusun serta dapat memperbaiki setiap kekurangan didalam pengurusan agar ianya menjadi satu medium kebanggaan negara dalam industri muzik

serta pengurusan. Selain itu, ingin memastikan peranan pihak tv3 dalam menguruskan AJL mampu menarik kembali penonton pelbagai peringkat umur untuk menonton AJL.

Akhir sekali bagaimanakah kajian ini dijalankan dalam mendapatkan cara penyelesaian sesebuah acara ialah dengan memastikan teknikal dan audio sistem dalam keadaan baik melalui pemasangan dan *based audio* yang dikehendaki sebelum acara dijalankan secara langsung. Selain itu pemilihan lokasi yang bersesuaian mengikut kesesuaian pengunjung dan pihak produksi dalam menjalankan kerja.

1.6 Kepentingan Kajian

Dengan terhasilnya kajian ini, pengkaji berharap agar kajian ini akan menjadi salah satu medium rujukan yang penting kepada pihak-pihak yang berkenaan di dalam usaha meningkatkan pengurusan Anugerah Juara Lagu (AJL) pada masa akan datang.

Kajian ini sangat penting terutama kepada pengkaji kerana ianya dapat mengetahui dengan lebih mendalam mengenai Strategi Pengurusan TV 3 Dalam Melaksanakan Anugerah Juara Lagu (AJL) dan seterusnya dapat menambah ilmu pengetahuan dari segi aspek pengurusan pentas dan kaedah pengurusan yang dilakukan. Pengkaji juga ingin mengetahui sedikit sebanyak pekara yang berkaitan dengan Anugerah Juara Lagu (AJL) seperti objektif AJL tersebut, sejarah perkembangan AJL, aktiviti dan perubahan yang dilakukan oleh pihak pengurusan AJL bagi menarik kedatangan dan penglibatan artis serta penonton. Selain itu, menarik masyarakat pelbagai kaum di Malaysia melihat dan menonton AJL di televisyen rumah masing-masing. Selain itu, kajian ini juga penting untuk pengkaji akan datang dalam membantu sedikit sebanyak petunjuk, kepentingan dan manfaat kepada pengkaji akan datang untuk mengkaji dari segi aspek pengurusan pentas, pemilihan lokasi dan memperbaiki lebih baik pengurusan pada masa akan datang. Tambahan pula, kajian ini juga penting kepada Pihak TV3 sendiri sebagai rujukan didalam pengurusan dan dapat melakukan penambahbaikan untuk menguruskan pentas AJL dengan lebih baik pada masa akan datang.

1.7 Limitasi Penyelidikan

Limitasi di dalam kajian ini, pengkaji telah mendapati terdapat pelbagai faktor yang dihadapi oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini, Antaranya ialah sumber ilmiah, sumber internet dan sumber arkib.

Limitasi pengkaji dalam mendapatkan sumber ilmiah yang terdapat di *Centre For Academic Information Services (CAIS)* seperti buku rujukan, jurnal, artikel yang bersesuaian dengan pengurusan pentas yang lengkap serta memerlukan teori penyelidikan yang sesuai untuk dikaitkan dengan tajuk kajian. Situasi ini menyebabkan pengkaji mempunyai masalah dalam mendapatkan bahan kajian dan kurang bahan bacaan.

Seterusnya limitasi penyelidikan yang dihadapi oleh pengkaji ialah, mendapatkan bahan rujukan melalui internet. Terdapat pelbagai jenis sumber rujukan di internet, namun pengkaji mempunyai masalah apabila terdapat sesetengah bahan kajian bukannya dari sumber yang benar dimana sumber yang dimasukkan didalam internet adalah sumber yang mereka kaji. Namun ia hanya *copy and paste* dari sumber rujukan yang lain. Limitasi didalam kajian ini pengkaji perlu memastikan adakah sumber rujukan yang dimasukkan didalam blog dan sebagainya sah ataupun tidak. Biarpun didalam internet mempunyai bahan kajian yang pelbagai dalam pengurusan, pengkaji menghadapi masalah apabila perlu memastikan ianya bersesuaian dengan tajuk kajian pengkaji.

Seterusnya, limitasi kajian yang pengkaji hadapi adalah mendapatkan sumber arkib. Bagi mendapatkan bahan ini, pengkaji perlu ke Arkib Negara bagi mendapatkan sumber ilmiah yang lama berkaitan dengan Anugerah Juara Lagu. Di Arkib Negara sudah pastinya pelbagai isu yang dihadapi oleh pihak pengurusan TV3 dalam memastikan Anugerah Juara Lagu (AJL) dalam keadaan dan kedudukan yang terbaik.

Keratan akhbar, jurnal, majalah dan sebagainya.

Akhir sekali, didalam kajian ini, pengkaji menghadapi sedikit kekangan dalam mendapatkan maklum balas dari pihak TV3 bagi mendapatkan sumber berkaitan organisasi. Hal ini kerana sesetengah maklumat organisasi mempunyai privasi tersendiri dan pengkaji mestilah memohon secara formal dan bersahsiah dalam mendapatkan maklum balas dari pihak yang berkenaan.

1.8 Lokasi Penyelidikan

Lokasi kajian merupakan tempat pengkaji menjalankan kajian yang dibuat bagi mendapatkan maklumat dan data kajian dalam memudahkan proses kajian yang dijalankan. Lokasi yang dipilih untuk menjalankan kajian adalah di Media Prima Berhad bertempat di Sri Pentas, Bandar Utama, Petaling Jaya. Selangor Darul Ehsan. Terletak di laluan yang menghubungkan petaling jaya dan Damansara tersegam indah sebuah bangunan Sri Pentas yang menjadi mercu tanda kebanggaan penduduk di negeri ini.

Kedudukannya yang strategik menjadikan bangunan ini sebagai salah satu bangunan yang menjadi perhatian masyarakat umum kerana sinonim dengan bidang penyiaran televisyen di Malaysia. Lebih menarik lagi, Media Prima mempunyai tiga cawangan rangkaian bagi menjalankan *recording* dan *live* di studio pentas dua Shah Alam dan Grandmarie, Shah Alam. Sri Pentas merupakan salah satu kawasan yang dikenali sebagai TV3 di mana pelbagai aktiviti penyiaran dijalankan disana.

Bangunan yang mempunyai menara mercu tanda dibahagian depan bangunan disamping mempunyai bahagian kiri dan kanan yang menempatkan pelbagai bahagian dalam penyiaran. Pada bahagian bawah Sri Pentas juga mempunyai dua studio yang di namakan Studio A dan Studio B dimana siaran harian seperti Malaysia Hari Ini (MHI), Wanita Hari ini (WHI). Pada bahagian menara Utara pula, unit bahagian Balai Berita

ditempatkan. Terdapat beberapa pecahan bahagian balai berita antaranya Buletin Utama, Berita TV9, dan 8TV News. Bangunan Sri Pentas ini merupakan bangunan yang telah dibina pada tahun 1996 dan ianya di rasmikan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia yang keempat iaitu Tun Dr. Mahathir Bin Mohammad. Tujuan penubuhan bangunan ini bagi meningkatkan dan memperkembangkan insudtri seni dan budaya dengan berasaskan media penyiaran agar masyarakat mempunyai hiburan dan tahu mengenai penceritaan belakang tadbir pengurusan dalam sesebuah acara. Bangunan TV3 atau lebih mesra dengan Sri Pentas telah dibuka pada 22.10.1996 dengan dirasmikan sendiri oleh mantan Perdana Menteri Malaysia yang keempat iaitu Tun Dr Mahathir Bin Mohammad dengan majlis yang penuh gemilang.

1.8.1 Gambar Kawasan Kajian



Gambar 1.2 Lokasi Kawasan Kajian

Sumber: Kajian Lapangan Pengkaji



Gambar 1.3. Lokasi Kawasan Kajian

Sumber: Kajian Lapangan Pengkaji

1.9 Skop Penyelidikan

Isu dalam kajian ini adalah mengenai kajian yang dilakukan oleh pengkaji khususnya dijalankan di Media Prima. Isu dalam kajian ini adalah Strategi Pengurusan TV 3 Dalam Melaksanakan Anugerah Juara Lagu (AJL). Seterusnya kajian ini melibatkan informan daripada *Eksekutif Producer*, Anugerah Juara Lagu (AJL) dalam memberi data dan maklumat yang lengkap kepada pengkaji untuk melengkapkan lagi data dan maklumat dengan lebih jelas.

1.10 Masalah Yang Dihadapi Semasa Menjalankan Penyelidikan

Permasalahan didalam sesebuah kajian pastinya timbul dimana sesetengah perkara pengkaji tidak dapat mengelak daripada ia berlaku. Didalam kajian ini, pengkaji mempunyai kekangan masa dalam menyiapkan tugas. Hal ini kerana pengkaji perlu bijak dalam menyelesaikan setiap tugas yang diberi oleh pensyarah dengan berkualiti dan tempoh masa yang diberikan.

Selain itu, masalah atau kekangan yang dihadapi oleh pengkaji dalam meneruskan